



# STERIS

Tatakelakuan Perniagaan

# Tatakelakuan Perniagaan STERIS

## Pesanan daripada Dan

Rakan Sekutu STERIS:

Tatakelakuan Perniagaan STERIS (“Tatakelakuan”) ialah asas untuk cara kita berkelakuan sebagai Rakan Sekutu STERIS dan cara kita berinteraksi dengan Pelanggan, pembekal, komuniti kami dan antara satu sama lain. Tatakelakuan ini turut menetapkan butiran tentang cara untuk bertindak jika berlaku pelanggaran terhadap Tatakelakuan. Sempadan ini ialah asas kepada dasar dan prosedur Syarikat, yang melaksanakan lagi garis panduan kelakuan yang sewajarnya untuk menjalankan perniagaan.

Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk meneliti dan mematuhi Tatakelakuan tersebut, dan kita semua bertanggungjawab untuk bersuara jika kita menyedari aktiviti yang tidak mematuhi Tatakelakuan.

Kita semua bertanggungjawab untuk membantu mewujudkan dunia yang lebih baik. Usaha kami melangkaui penyelesaian produk dan perkhidmatan, kerana kita menyedari peranan kita sebagai sebuah syarikat dan individu dalam usaha membantu untuk mewujudkan dunia yang lebih sihat dan lebih selamat, yang termasuk masa depan yang lebih mapan.

Terima kasih atas semua usaha yang telah anda lakukan untuk STERIS dan Pelanggan kami.

**Dan**

# Tatakelakuan Perniagaan STERIS

## Misi, Visi dan Nilai-Nilai Kami

### MISI

STERIS merupakan sebuah penyedia global produk dan perkhidmatan yang menyokong penjagaan pesakit dengan menitikberatkan pencegahan jangkitan. KITA MEMBANTU PELANGGAN KAMI MEWUJUDKAN DUNIA YANG LEBIH SIHAT DAN LEBIH SELAMAT dengan menyediakan produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan, sains hayat dan pergigian yang inovatif.

### VISI

DILHAMKAN OLEH USAHA PELANGGAN KITA UNTUK MEWUJUDKAN DUNIA YANG LEBIH SIHAT DAN SELAMAT, dan berpandukan warisan kepimpinan dan inovasi kita, kita berusaha untuk menjadi sebuah SYARIKAT HEBAT. Bagi STERIS, ini bermakna kita akan membuat perbezaan dengan menyediakan penyelesaian PRODUK DAN PERKHIDMATAN BERTARAF DUNIA untuk Pelanggan kami, TEMPAT YANG SELAMAT DAN MENDATANGKAN KEPUASAN untuk Warga Kerja kami dan PULANGAN YANG UNGGUL untuk Pemegang Saham kami.

### NILAI-NILAI

- **PELANGGAN DIUTAMAKAN - SENTIASA.** Pelanggan kita ialah orang yang paling penting dalam perniagaan kita, untuk dilayan dengan penuh hormat. Tiada aktiviti perniagaan, selain keselamatan, adalah lebih penting daripada mendengar, mengetahui dan menyediakan penyelesaian produk dan perkhidmatan unggul kepada Pelanggan kita.
- **WARGA KERJA - ASAS.** Kita komited dengan keselamatan dan kejayaan warga kerja kami. Kita menjangkakan prestasi setiap orang meningkat secara berterusan dengan inisiatif peribadi dan sokongan yang betul. Kita melayani setiap orang dengan rasa saling hormat-menghormati dan merasai keseronokan dengan kerja kami.
- **INOVASI - TERBAIK.** Kita adalah pemimpin bukan pengikut. Syarikat kita dibina berdasarkan koleksi idea inovatif dan semangat untuk peningkatan yang berterusan. Kita mencabar status quo dan mengambil risiko yang telah dipertimbangkan, menerokai idea besar dan kecil yang meningkatkan prestasi harian kami. Kita menyediakan penyelesaian produk dan perkhidmatan yang inovatif kepada Pelanggan kami.
- **KERJA BERPASUKAN - MENANG BERSAMA.** Kita percaya kesatuan tujuan dan kerja berpasukan membolehkan kami untuk melakukan jauh lebih banyak berbanding dengan yang boleh dilakukan secara individu. Kita menarik tenaga antara satu sama lain dan berkomunikasi dengan keadilan, sikap berterus terang, hormat dan keberanian - menyatakan pendapat kami dengan penuh hormat walaupun ia tidak digemari ramai. Kerjasama kami mengubah idea yang menarik kepada penyelesaian produk dan perkhidmatan yang hebat.
- **KEBERTANGGUNGJAWAPAN - SEKARANG.** Kita mengotakan janji kita, dan kita menunaikan komitmen kita. Kita mempertanggungjawabkan diri kita dengan satu sama lain ke atas hasil kita. Kita lebih suka untuk bertindak hari ini berbanding esok. Kita faham bahawa nilai diwujudkan di pusat pembangunan produk kita, kilang kita dan di tapak Pelanggan kita.
- **INTEGRITI - KOMITMEN PENGAWASAN.** Kita adalah penjaga kejayaan jangka panjang perniagaan kita dan pekerja kita. Kita boleh dipercayai dan jujur, dan menjalankan kerja kita secara profesional, beretika dan sah. Kita mencabar tindakan yang tidak selaras dengan nilai-nilai kita.

# Tatakelakuan Perniagaan STERIS

## Dasar Etika dan Pematuhan Global

STERIS plc (“STERIS” atau “Syarikat”) menghendaki semua Rakan Sekutu dalam kumpulan syarikat STERIS plc agar bertanggungjawab secara sah dan beretika dalam semua amalan perniagaan. Kita sangat mengambil berat untuk melestarikan persekitaran kerja yang menggalakkan kejujuran, integriti, hormat, kepercayaan, kepelbagaian dan tanggungjawab. Paling penting, kita bertanggungjawab ke atas tindakan kita dan mematuhi peraturan etika dan undang-undang. Tatakelakuan Perniagaan ini diguna pakai kepada STERIS plc dan semua anak syarikat dan rakan sekutunya.

## Tempat Kerja STERIS

Rakan Sekutu STERIS dikehendaki berkelakuan yang wajar untuk persekitaran kerja dan selaras dengan nilai-nilai kita.

### **Larangan Gangguan dan Diskriminasi**

Syarikat komited kepada persekitaran yang bebas daripada gangguan (termasuk gangguan seksual dan pembulian) dan diskriminasi. Oleh itu, dasar STERIS telah melarang gangguan atau diskriminasi disebabkan oleh umur, jantina, kehamilan, bangsa, warna kulit, ketakupayaan, maklumat genetik, agama, status tentera atau veteran. Dasar kita turut menetapkan supaya melarang diskriminasi ke atas sebarang ciri-ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang.

### **Dasar Antitindakan Balas**

Dasar STERIS tidak membenarkan sebarang bentuk tindakan balas ke atas mana-mana individu lain kerana melaporkan suatu pelanggaran terhadap Tata ini atau sebarang dasar STERIS yang lain. Tindakan pembalasan adalah dianggap melanggar Tatakelakuan dan akan dikenakan tindakan disiplin yang sejajar dengan situasi tersebut.

### **Hak Asasi Manusia dan Hak Buruh**

Seperti yang diterangkan dalam Dasar Hak Asasi Manusia dan Hak Buruh, STERIS komited untuk menegakkan hak asasi manusia. Kita menentang dan melarang semua bentuk perhambaan, buruh paksa, buruh kanak-kanak atau sebarang bentuk buruh yang dipaksa dalam operasi kita sendiri, atau rantai bekalan kita dan oleh rakan niaga kita. Setiap pekerja STERIS bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang kelakuan atau amalan yang mungkin melanggar keperluan ini kepada penyelia mereka dan kepada Jabatan Pematuhan STERIS.

## Mematuhi Undang-Undang dan Peraturan

Rakan Sekutu STERIS mesti mematuhi semua undang-undang yang berkuat kuasa. Dasar Syarikat menetapkan bahawa undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di semua lokasi tempat kita menjalankan perniagaan itu difahami dan dipatuhi. Setiap Rakan Sekutu STERIS bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang sewajarnya. Apabila kita bekerja mengikut ketetapan undang-undang yang tersurat, kita membina kepercayaan antara STERIS dengan orang yang kita melakukan perniagaan.

# Tatakelakuan Perniagaan STERIS

## **Aktiviti Politik dan Berurusan dengan Kerajaan**

Kebanyakan sumbangan kepada calon politik oleh syarikat besar adalah dilarang atau disekat di banyak negara, termasuk Ireland dan Amerika Syarikat. Mengikut undang-undang yang berkuat kuasa, Rakan Sekutu boleh membuat sumbangan politik mengikut kes individu. Rakan Sekutu Berkelayakan di A.S. boleh menyertai dalam PAC Pekerja STERIS secara sukarela. Walau bagaimanapun, Rakan Sekutu tidak boleh menggunakan sumber Syarikat bagi kempen politik tanpa kelulusan daripada Jabatan Undang-Undang dan CEO STERIS.

Pelanggan STERIS merangkumi entiti kerajaan. Undang-undang dan peraturan yang mentadbir transaksi dengan entiti kerajaan mengenakan peraturan dan keperluan khusus yang tidak selalunya ditemukan dalam transaksi dengan pihak persendirian. Rujuk Jabatan Undang-Undang STERIS berhubung dengan transaksi komersial yang mungkin dijalankan dengan entiti kerajaan.

Perekrutan dan pengambilan mantan pegawai atau pekerja kerajaan atau pegawai atau pekerja kerajaan semasa juga tertakluk kepada undang-undang khusus dan sekatan yang mungkin dikenakan. Peraturan ini boleh juga dikenakan kepada ahli keluarga pegawai atau pekerja kerajaan. Hubungi Jabatan Undang-Undang STERIS berkenaan pekerja yang mungkin diambil bekerja daripada pegawai atau pekerja kerajaan.

## **Antisogokan dan Antirasuah**

Sogokan dan rasuah adalah menyalahi undang-undang dan dilarang keras mengikut dasar STERIS dan Tatakelakuan ini. Rakan Sekutu STERIS dan pihak lain yang bertindak bagi pihak STERIS adalah dilarang daripada membenarkan, membayar, menjanjikan atau menawarkan apa-apa kepada mana-mana individu atau entiti untuk mempengaruhi secara tidak wajar mana-mana individu atau entiti semasa menjalankan perniagaan atau untuk memperoleh kelebihan perniagaan. Mana-mana Rakan Sekutu STERIS yang menerima atau meminta sogokan berhubung dengan sesuatu transaksi juga dianggap telah melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang.

Sogokan ialah menawarkan, menjanjikan, memberi, meminta atau menerima pendorong untuk sesuatu tindakan yang menyalahi undang-undang, merosakkan, tidak beretika atau melanggar kepercayaan. Rasuah ialah salah guna jawatan atau kuasa awam untuk keuntungan peribadi, atau salah guna kedudukan atau kuasa persendirian berhubung dengan perniagaan STERIS, sama ada kerajaan atau tidak. Penjual, pengedar dan ejen yang diambil perkhidmatannya oleh STERIS adalah terikat oleh sekatan yang sama. Hubungi Jabatan Undang-Undang atau Pematuhan STERIS dengan sebarang soalan atau kebimbangan berkenaan undang-undang ini dan cara untuk mematuhi dasar kita yang menangani soalan dan kebimbangan tersebut.

## **Undang-Undang Antitrust dan Persaingan**

Rakan Sekutu dimestikan hanya melibatkan diri dengan amalan persaingan yang sah dan beretika demi kepentingan STERIS. Secara umum, pesaing mungkin tidak bersetuju atau mempunyai suatu pengaturan:

- Berkenaan harga yang mereka kenakan, atau terma jualan lain, untuk barangan atau perkhidmatan, tanpa mengira kesan ekonomi
- Berkenaan jumlah pengeluaran
- Untuk mengelakkan bersaing pada bida atau projek
- Untuk menolak daripada berurusan atau menjalankan transaksi dengan Pelanggan atau pembekal yang dipilih
- Untuk membahagikan atau memperuntukkan Pelanggan, wilayah atau pasaran

# Tatakelakuan Perniagaan STERIS

Hubungi Jabatan Undang-Undang jika isu ini dialami atau pada bila-bila masa sebarang pengaturaturan dengan pesaing sedang dipertimbangkan.

## **Pematuhan Perdagangan Global: Antiboikot dan Sekatan Perdagangan**

Apabila mengimport dan mengeksport barangan dan perkhidmatan pada peringkat global, kita bertanggungjawab untuk mematuhi pelbagai sekatan. STERIS bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi undang-undang yang melarang daripada menjalankan perniagaan dengan entiti, individu atau negara tertentu yang telah ditetapkan sekatan perdagangan, dan mematuhi peraturan antiboikot yang berkuat kuasa. Rakan Sekutu STERIS bertanggungjawab untuk kekal memantau destinasi akhir yang dimaksudkan bagi produk dan perkhidmatan kita. Jika amalan perdagangan menimbulkan persoalan, atau jika anda mempunyai keraguan tentang cara untuk mentafsirkan peraturan tersebut untuk negara-negara tertentu, hubungi Jabatan Undang-Undang STERIS.

## **Dasar Perdagangan Orang Dalam**

Rakan Sekutu, pengurus kanan dan pengarah STERIS adalah dilarang daripada terlibat dalam transaksi sekuriti Syarikat semasa memiliki maklumat bukan awam dan boleh juga dilarang daripada terlibat dalam transaksi semasa tempoh “gelap” yang tertentu. Memberikan (atau “memberi tip”) maklumat bukan awam yang penting kepada orang lain juga adalah dilarang. Contoh maklumat bukan awam yang penting termasuk data kewangan yang tidak diterbitkan, transaksi Syarikat yang belum selesai (cth. pemerolehan, pemberhentian pelaburan), pembangunan litigasi, siasatan kerajaan dan perubahan pada strategi perniagaan. Kegagalan untuk mematuhi dasar ini boleh menyebabkan sekatan yang serius oleh Syarikat sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan. Untuk soalan atau penjelasan tentang Dasar Perdagangan Orang Dalam, hubungi Jabatan Undang-Undang STERIS.

## **Interaksi dengan Profesional Penjagaan Kesihatan**

Dalam tempoh menjalankan perniagaan, banyak Rakan Sekutu STERIS berinteraksi dengan profesional penjagaan kesihatan. Kita memahami bahawa interaksi ini adalah tertakluk kepada sekatan tertentu. Melalui keahlian kita dalam persatuan perdagangan industri, kita bersetuju untuk mematuhi prinsip tertentu semasa berinteraksi dengan profesional penjagaan kesihatan.

Dalam kalangan persatuan perdagangan industri dengan pihak yang telah kita pilih untuk menyertai adalah Persatuan Teknologi Perubatan Maju (AdvaMed). Syarikat berasa bangga menjadi penyokong Kod Etika AdvaMed tentang Interaksi dengan Profesional Penjagaan Kesihatan A.S. Antara topik lain, Kod AdvaMed menentukan sekatan yang berkaitan dengan hadiah, keraian, derma, hidangan dan lokasi mesyuarat semasa berinteraksi dengan profesional penjagaan kesihatan. Semua Rakan Sekutu STERIS yang berinteraksi dengan profesional penjagaan kesihatan A.S. mesti mematuhi Kod AdvaMed. Soalan berkenaan kod industri, termasuk Kod AdvaMed, hendaklah diajukan terus kepada Jabatan Pematuhan atau Undang-Undang STERIS.

## **Perhubungan Pihak Ketiga**

Perhubungan antara STERIS dan entiti yang menjalankan perniagaan dengan kita, termasuk Pelanggan, pembekal, ejen, pengedar dan agensi kawal selia adalah dikehendaki untuk beretika dan sejajar dengan prinsip yang digariskan dalam Tatakelakuan ini. Perhubungan dengan pihak ketiga, dan juga keputusan perniagaan, hendaklah berdasarkan ciri yang

# Tatakelakuan Perniagaan STERIS

dikehendaki oleh kelakuan yang beretika, mematuhi undang-undang, dan menjaga kepentingan STERIS, dan tidak hendaklah didorong atau dipengaruhi oleh pertimbangan peribadi.

## **Konflik Kepentingan**

Rakan Sekutu STERIS mesti mengelakkan situasi yang menimbulkan konflik kepentingan peribadi, atau kelihatan berkonflik, dengan kepentingan Syarikat atau Pelanggannya. Konflik kepentingan wujud apabila seseorang Rakan Sekutu mempunyai kepentingan persendirian, peribadi atau komersial yang berkemungkinan mempengaruhi atau berkonflik dengan kewajipan mereka dari STERIS.

Contoh-contoh konflik kepentingan termasuk:

- Kepentingan kewangan peribadi yang mungkin mempengaruhi pertimbangan perniagaan yang wajar bagi pihak STERIS
- Maklumat sulit Syarikat yang digunakan untuk kepentingan peribadi
- Kepentingan pekerjaan atau perniagaan yang lain yang menjejaskan prestasi kerja untuk STERIS
- Hadiah atau keraian yang boleh secara munasabah dianggap mempengaruhi secara tidak wajar perhubungan perniagaan STERIS dengan, atau mewujudkan kewajipan kepada Rakan Sekutu, Pelanggan, pembekal atau kontraktor lain.

Sebarang aktiviti yang dilakukan oleh Rakan Sekutu yang berkemungkinan mewujudkan konflik kepentingan, atau yang boleh mewujudkan gambaran konflik kepentingan, hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Audit Dalaman, Pematuhan atau Undang-Undang STERIS.

## **Melindungi Aset Syarikat**

### **Pengurusan Maklumat dan Rekod Perakaunan**

Undang-undang yang sedia ada menghendaki ketepatan dalam pencatatan semua transaksi, termasuk jualan harta, inventori atau perkhidmatan. Semua pertukaran dana Syarikat mesti dicatatkan dalam rangka kerja prinsip perakaunan yang boleh diterima secara umum. Sebarang transaksi “di luar rekod” adalah dilarang keras. Pemusnahan mana-mana dokumen atau rekod, terutama sekali yang bersifat kewangan, sebelum tamat tempoh pengekalan adalah menyalahi undang-undang dan tertakluk kepada penalti.

Tindakan memalsukan rekod, ketakdedahan transaksi, atau memusnahkan dokumen untuk mengelakkan tanggungjawab undang-undang adalah dianggap pelanggaran terhadap Tatakelakuan dan boleh menyebabkan liabiliti sivil atau jenayah. Hubungi Jabatan Perakaunan, Undang-Undang atau Kawal Selia STERIS jika anda mempunyai soalan atau kebimbangan tentang keperluan penyimpanan rekod.

### **Hak Milik Intelektual dan Maklumat Sulit**

Rakan Sekutu STERIS boleh mempunyai akses kepada maklumat sulit atau proprietari yang dimiliki oleh Syarikat. Maklumat sulit tersebut mestilah tidak didedahkan kepada pihak ketiga tanpa kelulusan yang wajar.

Maklumat sulit adalah maklumat yang tidak diketahui secara umum atau disediakan secara umum kepada pihak lain di luar Syarikat. Contoh-contoh maklumat sulit termasuk pengetahuan dan data teknikal, rahsia perdagangan, rancangan perniagaan, program pemasaran dan jualan dan angka jualan. Maklumat itu termasuk maklumat yang berkaitan dengan penggabungan dan

# Tatakelakuan Perniagaan STERIS

pemerolehan, pemisahan saham, divestitur, aktiviti pelesenan dan perubahan dalam pengurusan kanan.

Maklumat peribadi tentang Rakan Sekutu STERIS seperti gaji, faedah dan maklumat yang terkandung dalam fail peribadi juga dianggap sulit. Jika anda tidak pasti sama ada anda boleh mendedahkan maklumat kepada pihak ketiga, hubungi penyelia anda atau Jabatan Pematuhan atau Undang-Undang STERIS. Sebarang pertanyaan daripada institusi kewangan, media atau pihak ketiga yang lain mesti dikemukakan kepada Jabatan Komunikasi Korporat atau Jabatan Undang-Undang STERIS.

## Integriti Kualiti dan Pemasaran

Semua Rakan Sekutu mesti mematuhi kawalan berkenaan dengan kelulusan kawal selia produk, keperluan amalan pengilangan yang baik, reka bentuk, pelabelan, pengiklanan dan kawalan lain yang berkenaan. Pemasaran produk dan perkhidmatan STERIS mesti dilakukan dengan jujur dan integriti, memastikan STERIS kekal menjadi nama yang dipercayai dan kita terus mengekalkan reputasi kita sebagai entiti yang boleh dipercayai. Pengiklanan palsu bagi sesuatu produk atau mendokumenkan perkembangan sesuatu produk dengan cara yang tidak tepat adalah tidak beretika dan boleh menyebabkan tindakan disiplin. Untuk soalan atau kebimbangan berkenaan dengan peraturan produk, rujuk Jabatan Undang-Undang STERIS.

## Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran

STERIS komited kepada kelestarian dan untuk membantu Pelanggan kita untuk mewujudkan dunia yang lebih sihat dan lebih selamat. Kita bertanggungjawab untuk mengekalkan prinsip ini demi kepentingan Rakan Sekutu dan komuniti kita untuk menjadi jiran yang baik.

Undang-undang persekitaran dan kesihatan dan keselamatan adalah rumit, tertakluk kepada perubahan yang kerap dan berbeza-beza dari negara ke negara. Tindakan mematuhi undang-undang ini akan menunjukkan rasa hormat terhadap persekitaran dan antara satu sama lain. Rakan Sekutu hendaklah mendapatkan nasihat daripada Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran Rakan Sekutu atau Jabatan Undang-Undang STERIS tentang penggunaan undang-undang ini dan pematuhan dengan dasar STERIS, yang mungkin lebih ketat daripada undang-undang yang berkuat kuasa.

### **Keselamatan Tempat Kerja**

Semua Rakan Sekutu STERIS bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kesejahteraan mereka sendiri dan rakan sejawat mereka. Kita semua berkewajipan untuk melaporkan tindakan atau situasi yang tidak selamat dan untuk mengetahui tindakan seterusnya jika kita terlibat dalam perbuatan yang tidak selamat.

Selain itu, kita berkewajipan untuk memahami cara untuk selamat di tempat kerja dan mematuhi dasar dan prosedur yang sewajarnya. Contohnya, kita perlu memakai peralatan perlindungan diri yang sesuai, mengetahui jalan keluar sekiranya berlaku kebakaran, dan mengetahui pihak untuk dihubungi untuk mendapatkan bantuan sekiranya berlaku kebimbangan keselamatan. Sebarang pemerhatian yang berbahaya atau tidak selamat mesti segera dilaporkan kepada penyelia anda dan wakil Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran yang sewajarnya.

### **Kelestarian**

STERIS telah memberi tumpuan terhadap amalan perniagaan yang lestari selama bertahun-tahun, dengan banyak kerja yang baik telah dilakukan di seluruh operasi dan di seluruh dunia. Kelestarian di pusat STERIS di sekeliling empat bahagian penting:



# Tatakelakuan Perniagaan STERIS

- Amalan Perniagaan Beretika - Kita menghendaki kelakuan beretika dalam semua cara perlakuan kami, yang termasuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan semasa menjalankan perniagaan dan bertindak secara telus.
- Tenaga dan Pemuliharaan - Kita komited kepada penyingkiran sisa dan menggunakan sumber dengan penuh tanggungjawab.
- Warga Kerja dan Komuniti - Kita melibatkan Rakan Sekutu dengan kerja yang penuh bermakna, peluang pendidikan yang berterusan dan bantuan peribadi. Kita mendengar idea pekerja kita dan menggabungkannya ke dalam proses kita. Kita menolak semua bentuk diskriminasi, gangguan dan keganasan.
- Kesihatan & Keselamatan Alam Sekitar - Kita menggalakkan budaya keselamatan seluruh Syarikat. Semua orang bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kesejahteraan satu sama lain. Kita beringat tentang situasi yang tidak selamat atau kelakuan yang tidak mesra alam sekitar dan meminimumkan atau menyingkirkannya apabila kita menyaksikannya.

## Privasi dan Penggunaan Media Sosial

### Perlindungan dan Privasi Data

Rakan Sekutu STERIS yang mengendalikan data peribadi mesti memastikan data diproses mengikut dasar kita dan mesti melaporkan sebarang kejadian keselamatan yang disyaki kepada penyelia mereka dan Pegawai Perlindungan Data STERIS. Dasar STERIS menetapkan untuk hanya memproses mengikut undang-undang yang berkuat kuasa. Langkah-langkah teknikal dan organisasi yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pendedahan atau pemrosesan data peribadi yang tidak dibenarkan dan terhadap kehilangan atau pemusnahan, atau kerosakan, kepada data peribadi yang tidak disengajakan.

Data peribadi boleh dipindahkan oleh STERIS antara bidang kuasa untuk tujuan yang digariskan dalam dasar privasi kita dan notis perlindungan data peribadi Rakan Sekutu kita. Dalam keadaan yang sedemikian, STERIS akan mengambil semua langkah-langkah yang sah untuk memberikan perlindungan yang secukupnya kepada data peribadi yang dipindahkan.

Sebarang soalan berkaitan dengan perlindungan dan privasi data hendaklah diarahkan kepada Pegawai Perlindungan Data STERIS di [dataprotection@steris.com](mailto:dataprotection@steris.com).

### Penggunaan Sumber STERIS

Sumber STERIS, termasuk e-mel, mel suara, komputer dan dokumen adalah hak milik Syarikat dan boleh dipantau pada bila-bila masa mengikut undang-undang yang berkuat kuasa. Privasi komunikasi yang dihantar melalui cara ini tidak dapat dijamin. Walaupun Syarikat akan mengambil langkah-langkah yang diperlukan oleh undang-undang untuk menghormati privasi komunikasi yang disimpan pada sumber STERIS, Rakan Sekutu hendaklah berwaspada untuk tidak menggunakan sumber ini untuk menghantarkan mesej yang mereka tidak mahu disemak oleh STERIS.

### Penggunaan Media Sosial

Rakan Sekutu mesti memahami bahawa dasar dan keperluan STERIS tentang menyampaikan maklumat STERIS berkuat kuasa apabila Rakan Sekutu berada “dalam talian,” setakat yang sama seperti yang dikenakan ketika “di luar talian”. Penggunaan alatan seperti video, blog, wiki, podcast (audio siar) dan rangkaian sosial masih memerlukan keprofesionalan, ketelusan, kelakuan yang beretika dan ketakdedahan maklumat proprietari. Untuk sebarang soalan tentang penggunaan media sosial yang sewajarnya sebagai Rakan Sekutu STERIS, sila hubungi Jabatan Komunikasi Korporat.

# Tatakelakuan Perniagaan STERIS

## Tindakan Disiplin dan Talian Bantuan STERIS

### **Pelanggaran Tata dan Dasar**

Pelanggaran terhadap Tatakelakuan ini, undang-undang dan peraturan yang mentadbir perniagaan Syarikat, atau sebarang Dasar atau keperluan Syarikat yang lain boleh menyebabkan tindakan disiplin, termasuk dan sehingga penamatan pekerjaan.

### **Di mana untuk mendapatkan Bantuan**

Soalan atau kebimbangan boleh timbul tentang subjek yang dibincangkan dalam Tatakelakuan ini. Untuk mendapatkan kejelasan tentang topik ini atau jawapan kepada soalan atau situasi pematuhan, atau jika anda tidak pasti tentang “tindakan betul untuk dilakukan”, bercakap dengan Penyelia anda. Jika anda tidak dapat menyampaikan dengan berkesan pemerhatian atau hal berkaitan pematuhan dengan bercakap dengan Penyelia anda, sila hubungi wakil salah satu daripada jabatan dalam STERIS seperti berikut:

- Sumber Manusia
- Audit Dalaman
- Kualiti
- Pematuhan
- Undang-Undang

Jika pelaporan melalui saluran yang disenaraikan di atas tidak dapat dilaksanakan, isu berkaitan pematuhan boleh dilaporkan melalui telefon atau dalam talian melalui:

- Talian Bantuan Integriti STERIS
- Talian Web Integriti STERIS

Talian Bantuan Integriti STERIS dan Talian Web Integriti STERIS adalah saluran komunikasi yang boleh anda gunakan jika anda rasa anda tidak dapat menyampaikan pemerhatian atau hal berkaitan pematuhan anda dengan berkesan dengan bercakap dengan penyelia anda atau jabatan yang disenaraikan di atas. Walau bagaimanapun, Talian Bantuan dan Talian Web Integriti STERIS tidak menggantikan saluran komunikasi tradisional yang sememangnya telah disediakan. Jika anda rasa anda boleh pergi kepada penyelia anda atau jabatan Sumber Manusia, anda digalakkan untuk berbuat demikian kerana ini seringkali merupakan cara yang paling berkesan untuk memberitahu kebimbangan anda dan mendapatkan bantuan yang anda perlukan.

Untuk hal-hal yang dilaporkan dengan jujur, laporan yang dibuat pada Talian Bantuan dan Talian Web Integriti STERIS adalah dibuat tanpa tindakan balas. Untuk membantu Syarikat menyiasat hal tersebut dengan tepat dan cepat sepenuhnya, anda digalakkan untuk memberikan butiran tentang kebimbangan anda. Anda juga mempunyai pilihan untuk kekal tanpa nama. Apa yang penting adalah bersuara dan melaporkan sebarang pelanggaran terhadap Tatakelakuan kita. Butiran tentang cara menggunakan Talian Bantuan dan Talian Web diperincikan di bawah untuk rujukan.

## Pelaporan Talian Bantuan Integriti

Untuk melaporkan isu yang tidak beretika atau berkaitan dengan pematuhan melalui telefon, anda boleh menggunakan Talian Bantuan Integriti STERIS dengan mendaikkan nombor telefon untuk negara di tempat anda berada. NAVEX Global, pentadbir pihak ketiga bagi Talian Bantuan, menggunakan Perkhidmatan Bebas Tol Antarabangsa untuk panggilan kita. Terdapat pengecualian, seperti Costa Rica dan India, tempat AT&T Direct System digunakan, dan mendaikkan adalah proses dua langkah. Lihat di bawah untuk mendapatkan butiran.

# Tatakelakuan Perniagaan STERIS

## Nombor Telefon Talian Bantuan Integriti

<b>Australia</b> <u>Talian bantuan:</u> (Optus) 1-800-551-155 (Telstra) 1-800-881-011 <u>Kod Capaian:</u> 844-627-6887	<b>Austria</b> Talian bantuan: 0-800-200-288 <u>Kod Capaian:</u> 844-627-6887	<b>Belgium</b> 0800-81-992	<b>Brazil</b> 0800-047-4167	<b>Kanada</b> 1-855-326-9721
<b>China</b> 400-9-906-644	<b>Costa Rica</b> <u>Talian bantuan:</u> 0-800-011-4114 0-800-225-5288 0-800-228-8288 <u>Kod Capaian:</u> 855-607-8702	<b>Republik Czech</b> 0800-050-195	<b>Finland</b> 0800-774282	<b>Perancis</b> 0805-54-24-77
<b>Jerman</b> 0800-7243728	<b>Greece</b> <u>Talian bantuan:</u> 00-800-1311 <u>Kod Capaian:</u> 844-627-6887	<b>Hong Kong</b> <u>Talian bantuan:</u> 800-93-2266 <u>Kod Capaian:</u> 844-627-6887	<b>Hungary</b> 06-800-21-501	<b>India</b> Talian bantuan: 000-117 Kod Capaian: 855-607-8702
<b>Ireland</b> 1800-800725	<b>Israel</b> <u>Talian bantuan:</u> (Talian emas) 1-80-922-2222 (Barak) 1-80-933-3333 (Bezeq) 1-80-949-4949 <u>Kod Capaian:</u> 844-627-6887	<b>Itali</b> 800-902-931	<b>Jepun</b> <u>Talian bantuan:</u> (NTT) 0034-811-001 (KDDI) 00-539-111 (Softbank Telecom) 00-663-5111 <u>Kod Capaian:</u> 844-627-6887	<b>Malaysia</b> 1800-88-5782
<b>Mexico</b> 01-800-253-0492	<b>Belanda</b> 0800-020-0849	<b>Singapura</b> 1800-622-7295	<b>Republik Slovak</b> 0800-141-665	<b>Slovenia</b> 080828025
<b>Afrika Selatan</b> 0800-167452	<b>Sepanyol</b> 900-822-590	<b>Switzerland</b> 0800-001-311	<b>Thailand</b> 1800-011-569	<b>Emiriah Arab Bersatu</b> <u>Talian bantuan:</u> 8000-021 (du) 8000-555-66 (Tentera-USO dan selular) 8000-061 <u>Kod Capaian:</u> 844-627-6887
<b>United Kingdom</b> 0800-028-3391	<b>Amerika Syarikat</b> 1-855-326-9721			

# Tatakelakuan Perniagaan STERIS

## Perkhidmatan Bebas Tol

1. Dail nombor telefon khusus negara/pembawa anda. Panggilan ini adalah percuma.
2. Anda boleh memilih untuk memberikan laporan anda dalam bahasa Inggeris atau bahasa natif anda. Anda akan mendengar mesej rakaman dalam bahasa natif anda yang menerangkan tentang proses panggilan.
3. Seorang wakil yang bertutur bahasa Inggeris akan memulakan prosesnya. Beliau kemudiannya akan membawa anda ke dalam panggilan sidang dengan penterjemah yang bercakap dalam bahasa natif anda untuk membantu anda bagi menyelesaikan laporan anda.

AT&T Direct Service (Australia, Austria, Costa Rica, Greece, Hong Kong, India, Israel, Jepun dan Emiriah Arab Bersatu)

1. Dail nombor telefon khusus negara anda untuk menghubungi AT&T.
2. Apabila prom diberikan, masukkan kod capaian yang diberikan bagi daerah anda, seperti disenaraikan di atas, untuk menyambung ke NAVEX Global.
3. Anda boleh memilih untuk memberikan laporan anda dalam bahasa Inggeris atau bahasa natif anda. Anda akan mendengar mesej rakaman dalam bahasa natif anda yang menerangkan tentang proses panggilan.
4. Seorang wakil yang bertutur bahasa Inggeris akan memulakan prosesnya. Beliau kemudiannya akan membawa anda ke dalam panggilan sidang dengan penterjemah yang bercakap dalam bahasa natif anda untuk membantu anda bagi menyelesaikan laporan anda.

## Pelaporan Talian Web Integriti

Jika anda tidak dapat menyampaikan dengan berkesan pemerhatian atau hal berkaitan pematuhan dengan bercakap dengan Penyelia anda, Sumber Manusia, Audit Dalaman, Jabatan Pematuhan atau Undang-Undang, boleh dilaporkan secara dalam talian melalui Talian Web Integriti STERIS: [www.reportlineweb.com/Steris](http://www.reportlineweb.com/Steris)

## Rumusan

STERIS komited kepada Rakan Sekutu kita dan entiti yang menjalankan perniagaan dengan kita. Syarikat percaya Rakan Sekutu akan kekal jujur, menghormati dan bertanggungjawab dalam semua kelakuan perniagaan. Tatakelakuan ini meringkaskan jangkaan etika untuk kelakuan yang perlu difahami dan amalkan oleh semua Rakan Sekutu. Dasar tambahan yang menyokong Tatakelakuan ini tersedia kepada semua Rakan Sekutu. Untuk sebarang soalan atau penjelasan, hubungi penyelia anda, ahli lain daripada pengurusan STERIS, atau salah satu jabatan yang disenaraikan di atas untuk mendapatkan panduan.

STERIS plc • 70 Sir John Rogerson's Quay,

Dublin 2 • Ireland • 800-548-4873 • [www.steris.com](http://www.steris.com)

Berdaftar di Ireland No. 595593

Dokumen # M3936EN Rev.G ©2023 STERIS. Hak cipta terpelihara.